

# Dr. M dianugerah Fellow Kehormat Tertinggi IEM

KUALA LUMPUR 18 April - Tun Dr. Mahathir Mohamad dianugerahkan Fellow Kehormat Tertinggi Institusi Kejuruteraan Malaysia (IEM) di sini malam tadi.

Bekas Perdana Menteri itu menjadi penerima pertama anugerah tersebut yang merupakan pengiktirafan tertinggi IEM kepada mana-mana individu.

Ia sebagai tanda menghargai sumbangan Dr. Mahathir dalam pembangunan negara termasuk bidang kejuruteraan yang tidak terkecuali daripada menerima banyak manfaat.

Pengerusi IEM, Ir. Prof. Abang Abdullah Abang Ali menyampaikan anugerah tersebut pada Majlis Jamuan Makan Malam Tahunan Ke-45 yang diadakan Hotel Palace of the Golden Horses, di sini malam ini.

IEM pernah menganugerahkan Dr. Mahathir anugerah Fellow Kehormat pada tahun 1984.

Sementara itu dalam ucapannya, Dr. Mahathir melahirkan kekagumannya terhadap golongan jurutera yang disifatkannya sebagai profesion berperanan penting dalam membangunkan negara.

Katanya, sumbangan jurutera amat besar dalam memudahkan kehidupan manusia melalui pelbagai ciptaan yang dihasilkan.

"Semasa saya kecil lagi kekaguman terhadap bidang ini cukup tinggi yang mana pada ketika itu saya memikirkan bagaimana sebuah jam dicipta.

"Apabila pertama kali saya menjejakan kaki ke Singapura kira-kira 60 tahun yang lalu, saya terpegun dan kagum melihat bangunan tinggi.

"Dan dari situ saya bertambah kagum dengan kebolehan jurutera dalam memudahkan kehidupan manusia," katanya.